



LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

PEKELILING KETUA PENGARAH BILANGAN 3 TAHUN 2009

PENGUBAHSUAIAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

1. TUJUAN

1.1 Pekeliling ini ialah untuk melaksanakan Keputusan Kerajaan mengenai Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) yang diubah suai meliputi pemantapan aspek pengurusan PTK dan penambahbaikan ke atas kaedah penilaian bagi gred 17 hingga 54.

2. TAKRIF

- 2.1. "Ketua Jabatan" ertinya Ketua Pengarah atau Timbalan Ketua Pengarah atau Pengarah Bahagian atau Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri dimana yang berkenaan.
- 2.2. "Kerajaan, Kementerian, Jabatan, Pihak Berkuasa" mana yang berkenaan ertinya Lembaga Pertubuhan Peladang.
- 2.3. "Pegawai" ertinya penjawat Lembaga Pertubuhan Peladang yang dilantik secara tetap atau sementara atau kontrak ke dalam mana-

mana skim perkhidmatan Lembaga Pertubuhan Peladang tetapi tidak termasuk mana-mana pekerja yang dilantik secara sambilan.

3. PEMBATALAN

- 3.1 Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Ketua Pengarah ini , Pekeliling Ketua Pengarah Bil 7 Tahun 2006 dan Pekeliling Ketua Pengarah Bil 3 Tahun 2006 adalah dibatalkan.

4. KEPUTUSAN

- 4.1 Adalah diputuskan bahawa Lembaga Pertubuhan Peladang Menerima Pakai Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2008 mengenai Pengubahsuaian Penilaian Tahap Kecekapan.

5. TARIKH KUAT KUASA

- 5.1 Pekeliling Ketua Pengarah ini berkuat kuasa mulai ia di keluarkan.

Sekian, terima kasih



(DATO' HAJI ABD RAHIM BIN HAJI AHMAD)

Ketua Pengarah

Lembaga Pertubuhan Peladang

Februari 2009

Edaran kepada:

- Semua Timbalan Ketua Pengarah
- Semua Pengarah Bahagian
- Semua Pengarah LPP Negeri
- Pengurus Cawangan Audit Dalam
- Ketua Cawangan Undang-Undang